

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[LANANG ]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a)    kesan sasaran Wawasan 2020 akibat kejatuhan harga minyak dunia dan nilai Ringgit Malaysia yang semakin serius dan apakah langkah Kerajaan bagi memastikan segala perancangan sebelum ini berjaya; dan
  
- (b)    kesan terhadap pembangunan Negeri Sabah dan Sarawak akibat kemerosotan nilai ringgit dan penurunan harga minyak.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini, Malaysia menghadapi pelbagai cabaran akibat daripada ketidaktentuan ekonomi. Antara cabarannya adalah kejatuhan harga minyak dunia dan nilai Ringgit. Memang tidak dinafikan ketidaktentuan ekonomi ini menjaskan ekonomi Malaysia. Namun, ianya dijangka tidak akan menjaskan landasan pertumbuhan jangka panjang ekonomi negara ke arah mencapai Wawasan 2020. Ini adalah kerana kejatuhan harga minyak dan nilai mata wang Ringgit merupakan fenomena jangka pendek.

Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai langkah bagi memastikan Wawasan 2020 akan tercapai. Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi yang dilaksanakan di bawah Model Baru Ekonomi dijangka mampu merancakkan lagi pertumbuhan serta meningkatkan pendapatan per kapita negara secara mampan dan inklusif. Selain itu, teras strategi di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMK11) yang menekankan peningkatan produktiviti dan inovasi, dijangka mampu melonjakkan pertumbuhan ekonomi ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi dan inklusif menjelang tahun 2020.

Wawasan 2020 adalah bukan sekadar melihat pencapaian dari aspek ekonomi semata-mata. Ia merangkumi pelbagai aspek pembangunan masyarakat, termasuklah pembentukan sebuah masyarakat yang bersatu padu, bermoral dan beretika, liberal dan bertolak ansur, saintifik

dan progresif, serta masyarakat yang penyayang dan makmur. Kita perlu mencapai semua matlamat ini sebelum kita boleh menganggap negara kita sebagai sebuah negara maju sepenuhnya.

Bagi negeri Sabah dan Sarawak pula, penurunan mata wang dan harga minyak dunia dijangka tidak akan menjaskan pembangunan bagi negeri Sabah dan Sarawak dengan ketara. Tumpuan Kerajaan adalah mempercepat pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak bagi meningkat tahap sosioekonomi dengan menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang baik. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), negeri Sabah menerima peruntukan terbesar (tidak termasuk Wilayah Persekutuan), iaitu sebanyak RM20.6 bilion atau 9.0 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan. Bagi negeri Sarawak pula, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM18.6 billion atau 8.1 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan dan merupakan kedua terbesar selepas negeri Sabah (tidak termasuk Wilayah Persekutuan). Sekian, terima kasih.